



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SIARAN MEDIA

KEBENARAN BEROPERASI BAGI SEKTOR PEMBUATAN DITENTUKAN BERDASARKAN KADAR VAKSINASI LENGKAP PEKERJA

Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) telah memperlihatkan kejayaan dalam mempercepatkan pencapaian imuniti kelompok (herd immunity) di kalangan penduduk Malaysia. Setakat 14 Ogos 2021, jam 11.59 malam, 16,868,615 individu telah berjaya diberikan satu dos vaksinasi manakala 10,425,300 telah mendapat kedua-dua dos vaksin. Sebagai menyokong usaha PICK, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) telah melancarkan Program Imunisasi Industri COVID-19 Kerjasama Awam-Swasta (PIKAS) bagi membantu meningkatkan kadar vaksinasi di kalangan pekerja sektor pembuatan yang kini telah berjaya memvaksinasi lebih daripada 700,000 pekerja sektor pembuatan di seluruh negara.

Fokus untuk mengimbangi perlindungan nyawa dan memastikan kelangsungan ekonomi selaras dengan Pelan Pemulihan Negara (PPN) terus diutamakan di mana Kerajaan telah bersetuju untuk memberikan kelonggaran kepada penduduk Malaysia yang telah mendapatkan vaksin lengkap (dua dos vaksin) untuk melakukan aktiviti-aktiviti tertentu termasuk dalam sektor ekonomi seperti yang diumumkan Perdana Menteri YAB Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Selaras dengan perkembangan ini, MITI ingin memaklumkan bahawa:

- i. **syarikat-syarikat sektor Pembuatan yang tidak disenaraikan dalam sektor perkhidmatan perlu di kawasan PPN Fasa 1 dan 2 dibenarkan beroperasi pada kadar kapasiti berdasarkan tahap peratusan pekerja yang telah mendapat vaksin lengkap; dan**



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

- ii. **syarikat-syarikat sektor Pembuatan yang disenaraikan dalam sektor perkhidmatan perlu di kawasan PPN Fasa 1, 2 dan 3 pula dibenarkan untuk meningkatkan kapasiti berdasarkan tahap peratusan pekerja yang telah mendapat vaksin lengkap.**

Keputusan ini berkuatkuasa pada 16 Ogos 2021. Kapasiti operasi bagi syarikat sektor pembuatan adalah seperti berikut:

- i. **40% - 59% pekerja vaksinasi lengkap – Dibenarkan beroperasi pada kapasiti 60%;**
- ii. **60% - 79% pekerja vaksinasi lengkap – Dibenarkan beroperasi pada kapasiti 80%; dan**
- iii. **80% - 100% pekerja vaksinasi lengkap – Dibenarkan beroperasi pada kapasiti 100%.**

Syarikat perlu membuat pengisytiharan kadar vaksinasi lengkap pekerja yang sebenar di sistem COVID-19 Intelligent Management System (CIMS) 3.0. Selepas pengisytiharan, syarikat boleh secara terus memuat turun surat kelulusan beroperasi yang baharu. Akses ke CIMS 3.0 untuk pengisytiharan ini adalah terhad kepada sektor pembuatan sahaja.

Pengesahan mengenai kadar vaksinasi pekerja akan dibuat melalui semakan dengan pihak Badan Bertindak Imunisasi COVID-19 (CITF), Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI). Lawatan verifikasi secara berkala turut akan dilaksanakan oleh anggota penguatkuasa ke atas syarikat-syarikat sektor pembuatan.

Sebagai tambahan kepada Prosedur Operasi Standard (SOP) sedia ada, syarikat-syarikat adalah **diwajibkan untuk melaksanakan Ujian RTK Antigen sepertimana yang diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia melalui kaedah ujian sendiri atau di fasiliti kesihatan setiap dua minggu bagi pekerja** yang hadir ke premis sebagai langkah proaktif untuk mengekang penularan COVID-19 di kalangan pekerja.



KEMENTERIAN
PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI

SOP semasa seperti penjarakan fizikal, pemakaian pelitup muka dan lain-lain adalah masih terpakai dan wajib dilaksanakan syarikat.

Kerajaan ingin mengingatkan kewajipan syarikat-syarikat untuk mematuhi SOP sepenuhnya dan ketidakpatuhan adalah satu kesalahan undang-undang yang boleh dikenakan tindakan perundangan termasuk kompaun atau penutupan operasi syarikat untuk tempoh tertentu.

Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai operasi syarikat di dalam sektor pembuatan, orang ramai boleh menghubungi 03-6208 4949 atau melayari www.miti.gov.my. Maklumat operasi bagi sektor-sektor ekonomi yang lain perlu dirujuk kepada Kementerian / Agensi yang menyelia sektor masing-masing.

KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA & INDUSTRI (MITI)

15 OGOS 2021

Tentang MITI:

MITI adalah pemacu utama dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan bagi pelaburan berkualiti dan meningkatkan status negara ini sebagai sebuah negara perdagangan yang kompetitif di peringkat global. Objektif dan peranannya adalah berorientasikan ke arah memastikan pembangunan ekonomi yang pesat di Malaysia dan membantu mencapai matlamat yang dinyatakan di negara ini untuk menjadi sebuah negara maju.

Pertanyaan Media:

Unit Komunikasi Strategik MITI

Tel +603 6200 0082

Fax +603 6206 4293

E-mail alluks@miti.gov.my